

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN

4.0 PENDAHULUAN

Bab ini akan membincangkan dapatan kajian hasil daripada penyelidikan yang dijalankan. Deskripsinya meliputi analisis mengenai latar belakang responden dan lapan aspek kebajikan guru yang ditinjau yang terdiri daripada karier masa depan, kepimpinan pengetua, beban tugas, persekitaran kerja, ganjaran dan manfaat, hubungan dan kerjasama, perkhidmatan dan kepuasan kerja.

Sebanyak 50 borang soal selidik telah diedarkan ke lima buah sekolah rendah daerah Kuantan dan 50 borang soal selidik telah diedarkan ke lima buah sekolah menengah. Pengkaji hanya berjaya mendapat kembali borang yang lengkap dijawab oleh responden ialah seramai 95 orang. 5 orang guru yang tidak memulangkan kembali borang soal selidik. Sehubungan dengan itu, hanya 95 orang responden yang akan terlibat dalam kajian ini.

4.1 LATAR BELAKANG RESPONDEN

Responden kajian terdiri daripada 95 orang guru iaitu terdiri daripada 47 orang guru sekolah rendah dan 48 orang guru sekolah menengah. Mereka terdiri daripada guru lelaki dan perempuan dari semua etnik dan mempunyai tahap kelulusan akademik yang pelbagai.

Analisis terperinci dapat dilihat daripada jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Taburan frekuensi, peratus dan min skor bagi jantina

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	26	27.4%
Perempuan	69	72.6%
Jumlah	95	100.0

Jadual 1 di atas menunjukkan responden adalah terdiri dari guru perempuan, iaitu sebanyak 72.6% (69 orang) dan selebihnya adalah guru lelaki iaitu sebanyak 27.4% (26 orang). Dapatan menunjukkan guru-guru yang terlibat dalam kajian ini lebih ramai guru perempuan daripada guru lelaki.

Jadual 2: Taburan frekuensi, peratus dan min skor bagi bangsa

Bangsa	Frekuensi	Peratus
Melayu	61	64.2
Cina	30	31.6
India	4	4.2
Lain-lain	0	0.0
Jumlah	95	100.0

Jadual 2 di atas menunjukkan responden kajian terdiri dari daripada tiga kaum utama iaitu Melayu sebanyak 53.7% (51 orang), Cina sebanyak 42.1% (40 orang) dan diikuti dengan 4.2% India (4 orang). Tiada guru berbangsa lain yang menjadi responden kajian. Dapatan menunjukkan lebih ramai guru berbangsa Melayu yang terlibat dalam kajian ini.

WUJUD BANGSA MELAYU

Jadual 3: Taburan frekuensi, peratus dan min skor bagi umur

Umur	Frekuensi	Peratus
21 – 25 tahun	2	2.1
26– 30 tahun	9	9.5
31 – 35 tahun	23	24.2
36 – 40 tahun	29	30.5
41 – 45 tahun	24	25.3
46 – 50 tahun	6	6.3
51 – 56 tahun	2	2.1
Jumlah	95	100.0

Jadual 3 di atas menunjukkan responden kajian yang paling ramai terdiri dari guru-guru yang berumur antara 36 hingga 40 tahun, iaitu sebanyak 30.5 % (29 orang) diikuti dengan responden yang terdiri dari guru-guru berumur antara 36 – 40 tahun sebanyak 25.3% (24 orang) dan diikuti dengan responden yang terdiri dari guru-guru berumur 31 – 35 tahun sebanyak 24.2% (23 orang). Hanya 2.1% (2 orang) responden terdiri dari guru-guru yang berumur 51 – 56 tahun. Ini menunjukkan bilangan majoriti responden terdiri dari guru-guru berumur dari 31 – 40 tahun.

Jadual 4: Taburan frekuensi, peratus dan min skor bagi pengalaman mengajar

Umur	Frekuensi	Peratus
1 – 5 tahun	12	12.6
6– 10 tahun	21	22.1
11 – 15 tahun	29	30.5
16 – 20 tahun	24	25.3
21 – 25 tahun	7	7.3
26 – 30 tahun	1	1.1
30 – lebih	1	1.1
Jumlah	95	100.00

Jadual 4 menunjukkan taburan responden mengikut tempoh mengajar. Merujuk jadual, responden paling ramai terdiri dari guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar di antara 11 – 15 tahun iaitu sebanyak 30.5% (29 orang). Hanya 9.5% (9 orang) yang terdiri dari guru-guru yang berpengalaman 21 tahun ke atas. Kumpulan kedua terbanyak ialah terdiri dari guru-guru yang telah mengajar di antara 16 – 20 tahun sebanyak 25.3% (24 orang) diikuti dengan guru-guru yang mengajar di antara 6 – 10 tahun sebanyak 22.1% (21 orang). Data ini juga menunjukkan taburan responden ini amat bersesuaian dengan kajian ini kerana memerlukan guru-guru yang berpengalaman bagi menilai tahap kebajikan guru yang dilaksanakan oleh sekolah khususnya dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia.

Jadual 5: Taburan frekuensi, peratus dan min skor bagi gred

Umur	Frekuensi	Peratus
DGA 29	46	48.4
DGA 32	5	5.3
DG 41	42	44.2
DG 44	2	2.1
DG 48	-	-
DG 52	-	-
DG 54	-	-
Jumlah	95	100.00

Jadual 5 menunjukkan taburan responden mengikut gred jawatan. Data memperlihatkan responden yang paling ramai terdiri dari guru-guru DGA 29 iaitu sebanyak 48.4% (46 orang), diikuti dengan DG41 sebanyak 44.2% (42 orang). Hanya 5.3% orang yang terdiri dari guru DG32 (5. orang) dan 2.1% dari DG 44 (2 orang). Dapatan kajian menunjukkan guru-guru sekolah rendah terdiri 46 orang guru DGA 29 dan seorang guru DGA 32. Sementara guru-guru sekolah menengah pula terdiri dari 42 orang guru DG 41, 4 orang guru DGA 32 dan 2 orang guru DG 44.

Jadual 6: Taburan frekuensi, peratus dan min skor bagi kelulusan akademik tertinggi

Umur	Frekuensi	Peratus
SPM	26	27.4
MCE	7	7.4
STPM	13	13.7
HSC	1	1.1
Diploma	3	3.2
Ijazah Pertama	43	45.3
Sarjana	2	1.9
PHD	-	-
Jumlah	95	100.0

Jadual 6 menunjukkan taburan responden mengikut kelulusan akademik tertinggi. Merujuk jadual di dapati bahawa responden yang mempunyai kelayakan ijazah pertama adalah responden yang paling ramai iaitu seramai 45.3% (43 orang). Hanya 1.9% (2 orang) responden sahaja yang memiliki ijazah sarjana. Kumpulan kedua ramai ialah terdiri dari guru-guru lepasan SPM iaitu sebanyak 27.4% (26 orang) diikuti oleh guru-guru yang memiliki kelayakan STPM sebanyak 13.7% (13 orang). Hanya 7.4% guru (7 orang) yang mempunyai kelayakan MCE dan 1.1% (seorang) mempunyai kelayakan HSC. Dengan dasar pensiswazahan, tentunya lebih 50% guru-guru ini mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah seterusnya bagi guru-guru yang

mempunyai ijazah pertama juga mempunyai peluang untuk menyambung pelajaran ke peringkat sarjana.

Jadual 7: Taburan frekuensi, peratus dan min skor bagi kelulusan ikhtisas

Umur	Frekuensi	Peratus
Sijil Perguruan	51	53.7
Diploma Pendidikan	23	24.2
KPLI	6	6.3
Ijazah Pendidikan	15	15.8
Lain-lain	-	-
Jumlah	95	100.0

Selain mempunyai kelayakan akademik, guru-guru juga perlu mempunyai kelayakan ikhtisas seperti yang ditunjuk dalam Jadual 7. Dapatan kajian menunjukkan 53.7% (51 orang) mempunyai sijil perguruan dan tentunya mereka-mereka ini terdiri dari guru-guru sekolah rendah. Guru-guru sekolah menengah pula terdiri dari guru-guru yang mempunyai kelayakan diploma pendidikan sebanyak 24.2% (23 orang), 6.3% mempunyai kelulusan KPLI (6 orang), dan 15.8% (15 orang) mempunyai ijazah pendidikan. Dapatan juga menunjukkan 4 orang guru sekolah menengah mempunyai kelulusan sijil perguruan.

Jadual 8: Taburan frekuensi, peratus dan min skor bagi bilangan opsiyen mata pelajaran

Bilangan opsiyen mata pelajaran	Frekuensi	Peratus
Satu Mata Pelajaran	63	66.3
Dua Mata Pelajaran	32	33.7
Jumlah	95	100.0

Jadual 8 memperlihatkan taburan responden mengikut bilangan opsiyen mata pelajaran. Dapatan menunjukkan lebih ramai guru (66.3%) yang mempunyai bilangan opsiyen satu mata pelajaran berbanding dengan bilangan opsiyen dua mata pelajaran (33.7%).

Jadual 9: Taburan frekuensi, peratus dan min skor bagi bilangan mata pelajaran yang diajar

Bilangan mata pelajaran diajar	Frekuensi	Peratus
Satu Mata Pelajaran	29	30.5
Dua Mata Pelajaran	38	40.0
Tiga Mata Pelajaran	19	20.0
Empat Mata Pelajaran	8	8.4
Lima Mata Pelajaran	1	1.1
Jumlah	95	100.0

Berdasarkan jadual 9, taburan responden paling ramai ialah guru-guru mengajar dua mata pelajaran di sekolah iaitu seramai 38 orang (40%) diikuti dengan guru-guru yang mengajar satu mata pelajaran iaitu sebanyak 30.5% (29 orang) dan 20 % (19 orang) yang mengajar tiga mata pelajaran. Dapatan menggambarkan kebanyakan guru-guru mengajar satu hingga tiga mata pelajaran di sekolah. Hanya seorang sahaja yang mengajar sehingga 5 mata pelajaran di sekolah. Pengkhususan pengajaran dan pembelajaran paling banyak pun sehingga tiga mata pelajaran supaya guru-guru dapat mengurangkan beban guru-guru dalam menyediakan rancangan mengajar di samping guru-guru dapat memberi penumpuan sepenuhnya kepada opsyen mereka.

Jadual 10: Taburan frekuensi, peratus dan min skor bagi bilangan senarai tugas

Bilangan senarai tugas	Frekuensi	Peratus
Satu Tugas	8	8.4
Dua Tugas	14	14.7
Tiga Tugas	33	34.7
Empat Tugas	28	29.5
Lima Tugas	7	7.4
Enam Tugas	-	-
Tujuh Tugas	1	5.3
Jumlah	95	100.00

Jadual 10 menunjukkan taburan responden mengikut bilangan senarai tugas yang dipertanggungjawabkan oleh pihak sekolah. Dari jadual, kita dapat melihat hanya 8.4% (orang) yang mempunyai satu tugas dan 14.7% (14 orang) yang mempunyai dua tugas. Ini menunjukkan kebanyakan responden mempunyai lebih daripada dua tugas. Responden yang paling ramai ialah guru-guru yang mempunyai tiga tugas iaitu seramai 34.7% (33 orang) dan diikuti dengan guru-guru yang mempunyai empat tugas iaitu seramai 29.5% (8 orang).

4.2 ASPEK-ASPEK KEBAJIKAN GURU

Terdapat 8 aspek kebajikan guru yang dikaji. Pemeringkatan min dalam skala likert yang digunakan untuk dapatan kajian adalah seperti di bawah:

1.0	-	1.5	Sangat Tidak Setuju
1.51	-	2.5	Tidak Setuju
2.51	-	3.5	Agak Setuju
3.51	-	4.5	Setuju
4.51	-	5.0	Sangat Setuju

4.2.1 KARIER MASA DEPAN

Salah satu aspek kebajikan yang penting ialah karier masa depan. Tahap kebajikan guru-guru mengenai aspek ini boleh dilihat daripada jadual di bawah:

Jadual 11: Taburan frekuensi, peratus dan min skor bagi Karier Masa Depan

Bil	Karier Masa Depan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Agak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min Skor
1.	Peluang Kenaikan Pangkat	3 3.2	20 21.1	20 21.1	41 43.2	11 11.6	3.4
2.	Peluang melanjutkan ke peringkat tinggi	0	7 7.4	14 14.7	40 42.1	34 35.8	4.1
3.	Peluang kursus perkembangan staf	1 1.1	8 8.4	28 29.5	46 48.4	12 12.6	3.6
4.	Kursus dalam perkhidmatan oleh PPD, JPN dan KPM	0	23 24.2	31 32.6	37 38.9	4 4.2	3.2
5.	Penghargaan dari pentadbir, PPD atau JPN	8 8.4	46 48.4	21 22.1	18 18.9	2 2.1	2.6
6.	Pekeliling –pekeliing sering lewat diterima	2 2.1	32 33.7	23 24.2	32 33.7	6 6.3	3.1
PURATA MIN SKOR		3.3					

Bagi item 1, skor tertinggi ialah setuju iaitu sebanyak 43.2% (41 orang) manakala skor terendah ialah sangat tidak setuju iaitu sebanyak 3.2% (3 orang) dan agak setuju sebanyak 21.1% (20 orang). Min skor 3.4 menunjukkan guru-guru 'agak setuju' bahawa guru-guru dipeluang kenaikan pangkat yang sama bagi semua guru.

Item 2 pula menunjukkan skor tertinggi ialah setuju sebanyak 42.15 % (40 orang) diikuti dengan sangat setuju sebanyak 35.8% (34 orang). Tiada seorang guru pun yang sangat tidak setuju dan hanya 7.4% (7 orang) yang tidak setuju. Min skor 4.1 jelas menunjukkan guru-guru setuju bahawa semua guru mempunyai peluang yang luas untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Dapatan kajian dari item 3 memperlihatkan sebanyak 48.4% (46 orang) setuju diikuti oleh agak setuju sebanyak 29.5% (28 orang) dan yang paling sedikit yang sangat tidak setuju iaitu sebanyak 1.1% sahaja (1 orang). Min skor bagi data ini ialah 3.6, menunjukkan guru-guru agak setuju bahawa terdapat banyak peluang untuk mengikuti kursus perkembangan staf.

Situasi yang serupa dapat dilihat di item 4. Tiada seorang gurupun yang sangat tidak setuju dan skor tertinggi ialah setuju iaitu 38.9% (37 orang) diikuti dengan agak setuju sebanyak 32.6% (31 orang). Min skor 3.2 menunjukkan

guru-guru agak setuju gurus-kursus dalam perkidmatan oleh PPD, JPN dan Kementerian Pendidikan adalah memadai untuk guru-guru.

Item 5 menunjukkan situasi yang berlain di mana skor tertinggi ialah tidak setuju sebanyak 48.5% (46 orang) dan skor terendah ialah sangat setuju sebanyak 2.1%(2 orang). Hanya 22.1% (21 orang) yang agak setuju dan ini jelas menunjukkan guru-guru tidak setuju dengan pernyataan bahawa mereka tidak pernah mendapat penghargaan daripada pentadbir, PPD atau JPN sebagaimana min skor yang dibuktikan oleh min skor iaitu 2.6 (tidak setuju).

Walau bagaimanapun item 6 menunjukkan guru-guru menunjukkan peratus yang sama iaitu 33.7% (32 orang) yang menyatakan tidak setuju dan setuju diikuti dengan agak setuju sebanyak 24.2 (23 orang). Skor terendah ialah 2.1 % (2 orang) yang sangat tidak setuju. Min skor 3.1 menunjukkan guru-guru agak setuju dengan pernyataan bahawa pekeliling-pekeliling daripada Kementerian Pendidikan dan JPN sering lewat diterima ke pengetahuan guru.

Pada keseluruhannya, semua guru tidak menafikan bahawa aspek kebajikan dalam karier masa depan mereka di jaga oleh pihak pentadbir, PPD, JPN dan Kementerian Pendidikan. Min skor 3.3 menunjukkan majoriti guru-guru bersetuju dengan tindakan dalam memberi peluang meningkatkan karier masa depan mereka.

4.2.1 KEPIMPINAN PENGETUA

Jadual 12: Taburan frekuensi, peratus dan min skor bagi Kepimpinan Pengetua

Bil	KEPIMPINAN PENGETUA	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Agak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min Skor
7.	Galak ambil insuran kemalangan secara kelompok	7 7.4	36 37.9	28 29.5	21 22.1	3 3.2	2.8
8.	Galak menjadi ahli Kelab, Persatuan Guru yang aktif	3 3.2	18 18.9	20 21.1	44 46.3	10 10.5	3.4
9.	Galak guru meningkatkan peluang kerjaya	2 2.1	3 3.2	16 16.8	55 57.9	19 20.0	3.9
10.	Galak guru menjadi ahli Koperasi Guru/Kesatuan Guru	3 3.2	14 14.7	24 25.3	49 51.6	5 5.3	3.4
11.	Melindungi staf bila berlaku kes-kes kontroversi	2 2.1	5 5.3	19 20.0	51 53.7	18 18.9	3.8
12.	Sukar mendapat pelepasan cuti sambilan dalam kes kecemasan	21 22.1	52 54.7	6 6.3	13 13.7	3 3.2	2.2

13.	Memberikan penilaian prestasi yang adil dan saksama	2 2.1	15 15.8	27 28.4	38 40.0	13 13.7	3.5
14.	Peka dalam memahami masalah dan keperluan guru	4 4.2	10 10.5	24 25.3	46 48.4	11 11.6	3.5
15.	Menubuhkan Kelab Famili untuk menjaga kebajikan guru	3 3.2	6 6.3	19 20.0	44 46.3	23 24.2	3.8
PURATA MIN SKOR		3.3					

Jadual 12 menunjukkan dapatan kajian berkaitan dengan aspek kebajikan mengenai kepimpinan pengetua di kalangan guru sekolah rendah dan menengah.

Item 7 memperlihatkan sebanyak 37.9% (36 orang) guru-guru sangat tidak setuju diikuti dengan 29.5% (28 orang) agak setuju. Skor terendah ialah sebanyak 3.2% (3 orang) yang menyatakan sangat setuju. Min data 2.8 menunjukkan bahawa majoriti guru-guru tidak setuju bahawa pentadbir menggalakkan guru mengambil insuran kemalangan secara kelompok.

Item 8 dan 9 menunjukkan guru-guru bersetuju dengan kepimpinan pengetua dalam menjaga kebajikan mereka. Data bagi item 8 memperlihatkan 46.3% (44 orang) bersetuju dengan pentadbir menggalakkan guru menjadi ahli

Kelab, Persatuan Guru yang aktif dan hanya 3.2% (3 orang) yang sangat tidak setuju. Data bagi item 9 juga menunjukkan sebanyak 57.9% (55 orang) setuju dengan pentadbir menggalakkan guru meningkatkan peluang kerjaya yang lebih baik. Ini dapat dibukti oleh kedua-dua min skor iaitu min skor bagi item 8 ialah 3.4 dan min skor bagi item 9 ialah 3.9 menunjukkan guru-guru agak setuju dengan kepimpinan pengetua.

Item 10 dan 11 juga menunjukkan situasi yang serupa iaitu dapatan menunjukkan rata-rata guru bersetuju dengan kepimpinan pengetua. Ini dapat dilihat di item 10 di mana skor tertinggi ialah 51.6% (49 orang) yang setuju manakala min skor terendah ialah hanya 3.2 (3 orang) yang sangat tidak setuju. Item 11 juga menunjukkan majoriti guru-guru setuju iaitu sebanyak 53.7% (51 orang) dan hanya 2.1% (2 orang) yang sangat tidak setuju. Ini dapat dibuktikan dengan kedua-dua min skor iaitu min skor item 10 ialah 3.4 manakala min skor bagi item 11 ialah 3.8 yang menunjukkan guru-guru bersetuju bahawa pentadbir menggalakkan guru menjadi ahli koperasi Guru/Kesatuan Guru dan pentadbir bersedia melindungi staf bila berlaku kes-kes kontroversi.

Pada keseluruhannya, min skor 3.3 menunjukkan bahawa guru-guru agak setuju bahawa pengetua mempunyai ciri-ciri kepimpinan terhadap kebajikan guru terutama dalam menggalakkan guru-guru meningkatkan peluang kerja (skor min tertinggi – 3.9). Guru-guru juga setuju bahawa pengetua/guru besar menggalakkan mereka menubuhkan Kelab Famili dan

melindungi staf bila berlaku kes-kes kontroversi. Skor min terendah (2.8) ialah mengenai pengetua/guru besar menggalakkan guru-guru mengambil insuran kemalangan secara kelompok.

4.2.3 BEBAN TUGAS

Jadual 13: Taburan frekuensi, peratus dan min skor bagi Beban Tugas

Bil	BEBAN TUGAS	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Agak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min Skor
16.	Pentadbir adil dalam mengagihkan tugas	1 1.1	19 20.0	34 35.8	35 36.8	6 6.3	3.3
17.	Jumlah tugas ko-kurikulum memadai		5 5.3	22 23.2	57 60.0	11 11.6	3.8
18.	Kerja-kerja perkeranian sering dilakukan	4 4.2	19 20.0	19 20.0	33 34.7	20 21.1	3.5
19.	Jumlah waktu mengajar seminggu munasabah	2 2.1	1 1.1	22 23.2	57 60.0	13 13.7	3.8
20.	Kerap menggantikan guru-guru yang tidak hadir bertugas	2 2.1	11 11.6	23 24.2	45 47.4	14 14.7	3.6
21.	Waktu rehat adalah mencukupi dan munasabah	2 2.1	8 8.4	23 24.2	51 53.7	11 11.6	3.6

22.	Sumbangan PIBG bagi guru yang sanggup mengajar di luar waktu	15 15.8	23 24.2	21 22.1	31 32.6	5 5.3	2.9
23.	PIBG prihatin dengan kebajikan guru-guru	10 10.5	20 21.1	31 32.6	30 31.6	4 4.2	3.0
PURATA MIN SKOR		3.4					

Jadual 13 menunjukkan aspek kebajikan dari segi beban tugas kepada setiap guru di sekolah. Terdapat 8 item yang dianalisis dalam aspek ini. Min skor tertinggi ialah 3.8 iaitu majoriti responden setuju dengan bagi aspek jumlah tugas kokurikulum. Seramai 60% (57 orang) responden menyatakan setuju dengan jumlah tugas kokurikulum, 23.2% (22 orang) agak setuju, 11.6% (11 orang) sangat setuju dan 5.3 % (5 orang) tidak setuju.

Bagi item 19 juga menunjukkan skor min yang serupa iaitu 3.8 iaitu responden setuju dengan aspek jumlah waktu mengajar dalam seminggu adalah munasabah. Dapatan menunjukkan 60% (57 orang) setuju, 23.2% (22 orang) menyatakan agak setuju, 13.7% (13 orang) sangat setuju manakala hanya 2.1% (2 orang) sangat tidak setuju dan 1.1% (seorang) tidak setuju.

Min skor terendah ialah 2.9 iaitu responden menyatakan agak setuju bagi aspek pentadbir mendapatkan sumbangan PIBG bagi membayar guru yang sanggup mengajar di luar waktu. Daripada pendapat responden didapati

32.6% orang (31 orang) menyatakan setuju, 24.2% (23 orang) menyatakan tidak setuju, 22.1% (21 orang) agak setuju, 15.8% sangat tidak setuju dan 5.3% (5 orang) sangat setuju.

Min skor yang lain terdiri dalam lingkungan 3.0 hingga 3.6. Min skor bagi aspek PIBG prihatin dengan kebajikan guru ialah 3.0, min skor bagi pentadbir adil dalam mengagihkan tugas ialah 3.3, min skor bagi waktu rehat adalah mencukupi dan munasabah adalah 3.6. Ini menunjukkan semua responden agak setuju bagi aspek-aspek ini.

Walau bagaimanapun bagi aspek-aspek kerja perkeranian sering dilakukan menunjukkan responden agak setuju di mana min skor ialah 3.5. Manakala responden juga setuju dengan aspek kerap menggantikan guru-guru yang tidak hadir bertugas. Pengetua/guru besar boleh mengkaji dan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengurangkan beban guru dalam kedua-dua aspek ini.

Pada keseluruhannya, rata-rata responden agak setuju dengan aspek beban tugas. Ini dapat dibuktikan dengan min skor 3.4.

4.2.4 PERSEKITARAN KERJA

Jadual 14: Taburan frekuensi, peratus dan min skor bagi Kepimpinan Pengetua

Bil	PERSEKITARAN KERJA	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Agak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min Skor
24.	Tiada ancaman keselamatan diri dan harta benda	0	9 9.5	19 20.0	43 45.3	24 25.3	3.9
25.	Alat-alat keselamatan seperti alat pemadam api terdapat di sekolah	0	0	4 4.2	56 58.9	35 36.8	4.3
26.	Bilik guru adalah selesa	3 3.2	12 12.6	25 26.3	38 40.0	17 17.9	3.6
27.	Kemudahan lain(tandas, surau, letak kereta dll) adalah memuaskan	3 3.2	13 13.7	16 16.8	52 54.7	11 11.6	3.6
28.	Kesukaran mendapatkan makanan yang berkualiti	5 5.3	31 32.6	25 26.3	29 30.5	5 5.3	3.0
29.	Keadaan fizikal di bilik darjah adalah selesa	1 1.1	16 16.8	26 27.4	44 46.3	8 8.4	3.4

30.	Lokasi sekolah adalah sesuai untuk proses pengajaran dan pembelajaran	0	14 14.7	15 15.8	46 48.4	20 21.1	3.8
31.	Kemudahan ABM yang terkini mudah diperolehi	1 1.1	13 13.7	33 34.7	37 38.9	11 11.6	3.5
32.	Bahan rujukan adalah mencukupi di bilik sumber	1 1.1	13 13.7	35 36.8	39 41.1	7 7.4	3.4
PURATA MIN SKOR		3.6					

Jadual 14 menunjukkan taburan responden terhadap aspek persekitaran kerja. Terdapat 9 analisis item dalam aspek persekitaran kerja ini iaitu merangkumi aspek-aspek seperti keselamatan diri dan harta benda, alat-alat keselamatan, bilik guru, kemudahan seperti tandas, letak kereta, surau, makanan yang berkualiti, keadaan bilik darjah, lokasi sekolah, kemudahan ABM dan bahan rujukan di Pusat Sumber.

Min skor tertinggi (4.3) ialah item 25 iaitu penyediaan alat-alat keselamatan seperti alat pemadam api. Tiada seorang responden pun yang sangat tidak setuju dan tidak setuju dengan pernyataan ini. Dapatan menunjukkan 58.9% (56 orang) setuju, diikuti dengan 36.8% (35 orang) sangat setuju dan 4.2% (4 orang) agak setuju. Ini jelas menunjukkan semua pentadbir sekolah prihatin mengenai langkah-langkah keselamatan di sekolah dengan memastikan alat-alat ini terdapat di sekolah masing-masing. Begitu juga

dengan item 24 mengenai ancaman keselamatan diri dan harta benda juga menunjukkan sekolah merupakan tempat yang selamat untuk belajar dan mengajar kerana didapati hanya 9 orang responden (9.5%) yang tidak setuju dengan pernyataan ini. Min skor 3.9 memberi gambaran bahawa responden setuju bahawa tiada ancaman keselamatan diri dan harta benda di sekolah.

Min skor terendah ialah 3.0 iaitu aspek kesukaran mendapat makanan yang berkualiti di kantin sekolah. Dapatan memperlihatkan 32.6% (31 orang) tidak setuju dan 5.3% (5 orang) sangat tidak setuju sukar mendapat makanan yang berkualiti di sekolah. Walau bagaimanapun, 30.5% (29 orang) setuju, 26.3% (25 orang) agak setuju dan 5.3% (5 orang) sangat setuju mengakui kesukaran mendapatkan makanan yang berkualiti di sekolah. Pihak kantin sekolah sepatutnya mengambil tindakan mengkaji mengenai penyediaan sajian makanan di sekolah agar makanan yang lebih berkhasiat dengan harga yang berpatutan dapat disediakan untuk guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah.

Responden menyatakan agak setuju dengan aspek keadaan fizikal di bilik darjah, kemudahan ABM yang terkini dan bahan rujukan mencukupi di mana min skor bagi aspek keadaan fizikal di bilik darjah dan bahan rujukan di bilik sumber ialah 3.4 manakal min skor yang kemudahan ABM yang terkini ialah 3.5. Pihak pentadbir boleh mengambil beberapa langkah dan usaha mempertingkatkan lagi kemudahan ini.

Kesimpulannya, min skor 3.6 memberi gambaran yang jelas bahawa purata guru-guru setuju dengan keselesaan persekitaran kerja mereka dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran sekolah masing-masing. Ini penting untuk melancarkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran seterusnya menyampaikan dengan berkesan kepada pelajar.

4.2.5 GANJARAN DAN MANAFAAT

Jadual 15: Taburan frekuensi, peratus dan min skor bagi Ganjaran dan Manafaat

Bil	GANJARAN DAN MANAFAAT	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Agak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min Skor
33.	Imbuhan Tetap Perumahan adalah berpatutan	29 30.5	37 38.9	12 12.6	16 16.8	1 1.1	2.2
34.	Kemudahan pinjaman membeli rumah mudah diperolehi	2 2.1	5 5.3	17 17.9	60 63.2	11 11.6	3.8
35.	Kemudahan pinjaman membeli komputer adalah mudah diperolehi	2 2.1	13 13.7	27 28.4	44 46.3	9 9.5	3.5
36.	Kemudahan pinjaman membeli kereta mudah diperolehi	6 6.3	22 23.2	26 27.4	34 35.8	7 7.4	3.1

37.	Kemudahan perubatan dan rawatan kesihatan memuaskan	6 6.3	15 15.8	23 24.2	43 45.3	8 8.4	3.3
38.	Kemudahan kuarters guru adalah mencukupi	2 2.1	28 29.5	32 33.7	31 32.6	2 2.1	3.0
PURATA MIN SKOR		3.2					

Jadual 15 menunjukkan taburan responden mengenai aspek ganjaran dan manfaat. Aspek-aspek yang dikaji dalam bahagian ini merangkumi 6 item yang terdiri dari imbuhan tetap perumahan, kemudahan pinjaman membeli rumah, kemudahan membeli kereta, kemudahan perubatan dan rawatan kesihatan dan kemudahan kuarters guru.

Item 38 mengenai kemudahan pinjaman membeli rumah merupakan min skor tertinggi dalam aspek ganjaran dan manfaat iaitu 3.8. Dapatan menunjukkan responden setuju dengan kemudahan pinjaman membeli rumah mudah diperolehi di mana 63.2% (60 orang) setuju, diikuti dengan 17.9% (17 orang) agak setuju, 11.6% (11 orang) sangat setuju dan hanya 5.3% (5 orang) tidak setuju dan 2.1% (2 orang) sangat tidak setuju.

Aspek imbuhan tetap perumahan adalah berpatutan menunjukkan rata-rata guru tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Ini dapat dibuktikan dengan min hanya 2.2 dan merupakan min skor terendah dibandingkan dengan item-

item lain yang dikaji dalam aspek ganjaran dan manfaat ini. Daripada jumlah responden, hanya seorang (1.1%) sangat setuju, 16 orang (16.8%) setuju dan 12 orang (12.6%) agak setuju. Manakala seramai 37 orang (38.9%) tidak setuju dan 29 orang (30.5%) sangat tidak setuju. Ini menunjukkan imbuhan tetap ini perlu diberi pertimbangan lagi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dapatan bagi item 35, 36, 37, 38 memperlihatkan responden agak setuju dengan kemudahan yang mereka perolehi dengan tahap pemeringkatan min di antara 3.0 hingga 3.5. Min skor masing-masing ialah 3.0 untuk kemudahan kuarters, 3.1 untuk kemudahan pinjaman membeli kereta, 3.3 untuk kemudahan perubatan dan rawatan kesihatan dan min skor 3.5 untuk kemudahan pinjaman membeli komputer.

Pada keseluruhannya, min skor 3.2 menunjukkan responden agak setuju dengan kemudahan-kemudahan yang mereka perolehi. Dari dapatan, Kementerian mungkin boleh mempertimbangkan untuk meningkatkan lagi usaha-usaha menyediakan kemudahan-kemudahan khususnya mempertimbangkan kenaikan kemudahan imbuhan tetap perumahan.

4.2.6 HUBUNGAN DAN KERJASAMA

Jadual 16: Taburan frekuensi, peratus dan min skor bagi Hubungan dan Kerjasama

Bil	Karier Masa Depan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Agak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min Skor
39.	Mendapat kerjasama dan sokongan daripada pelajar	1 1.1	8 8.4	21 22.1	57 60.0	8 8.4	3.7
40.	Mendapat kerjasama dan sokongan daripada kakitangan bukan guru	0	6 6.3	25 26.3	55 57.9	9 9.5	3.7
41.	Mendapat kerjasama dan sokongan daripada rakan sekerja	0	5 5.3	5 5.3	68 71.6	17 17.9	4.0
42.	Mendapat sokongan dan bimbingan daripada pentadbir	0	2 2.1	23 24.2	60 63.2	10 10.5	3.8
43.	Mendapat sokongan dan penerimaan daripada masyarakat setempat	1 1.1	12 12.6	33 34.7	44 46.3	5 5.3	3.4
PURATA MIN SKOR		3.7					

Jadual 16 menunjukkan taburan frekuensi, peratus dan min skor bagi hubungan dan kerjasama. Terdapat 5 item yang dianalisis

merangkumi kerjasama dari pelbagai pihak seperti dari pelajar, kakitangan sokongan bukan guru, rakan sekerja, pentadbir dan masyarakat. Dibandingkan dengan aspek-aspek kebajikan yang telah dibincangkan di atas, dapatan menunjukkan purata min skor tertinggi iaitu 3.7 bagi aspek ini. Ini memberi gambaran yang positif bahawa guru-guru tiada masalah yang serius dalam memupuk hubungan antara pihak-pihak di sekeliling mereka. Ini penting untuk mewujudkan budaya kerja yang sihat seterusnya dapat mewujudkan iklim yang kondusif untuk semua pihak bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Kerjasama dari rakan sekerja menunjukkan perkembangan yang positif di kalangan guru dengan dapatan min skor tertinggi iaitu 4.0. Tiada seorang guru pun yang sangat tidak setuju dengan pernyataan dalam aspek ini. Manakala 5.3% (5 orang) sahaja yang menunjukkan mereka tidak setuju. Selebihnya memberikan respon yang positif iaitu 71.6% (68 orang) bersetuju dan 17.9% (17 orang) sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa guru-guru tidak mempunyai masalah dalam memupuk persahabatan dan khususnya dalam mewujudkan kerjasama di kalangan mereka.

Begitu juga dengan item 42, guru-guru memberikan reaksi yang baik iaitu mereka bersetuju dengan aspek mendapat sokongan dan bimbingan daripada pentadbir. Ini dapat dibuktikan dari min skor 3.8

yang tertera di jadual 16. Hasil kajian menunjukkan hanya 2.1% (2 orang) sahaja tidak setuju manakala 24.2% (23 orang) agak setuju, diikuti dengan 63.2% (60 orang) bersetuju dan selebihnya iaitu seramai 10.5% (10 orang) sangat setuju. Dapatan yang positif ini diperkukuhkan lagi dengan tiada seorang responden sangat tidak setuju dengan aspek ini. Ini menggambarkan pentadbir memainkan peranan mereka dengan baik dengan kakitangannya.

Item 39 bagi aspek mendapat kerjasama dan sokongan daripada pelajar dan item 40 bagi aspek mendapat kerjasama daripada kakitangan bukan guru mempunyai min skor yang sama iaitu 3.7. Dapatan ini menunjukkan guru-guru setuju bahawa mereka mendapat kerjasama yang baik dari pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran mereka dan juga mendapat kerjasama yang baik dari kakitangan bukan guru dalam urusan seharian mereka di sekolah.

Hanya item 43 iaitu mendapat sokongan dan penerimaan daripada masyarakat setempat sahaja yang menunjukkan guru-guru memberikan respon agak setuju sahaja. Ini dapat dilihat daripada dapatan min 3.4 yang mana min skor ini merupakan min skor terendah. Kesimpulannya, aktiviti-aktiviti ke arah memupuk perhubungan yang baik antara sekolah dan masyarakat perlu diadakan di sekolah-sekolah agar kerjasama di antara kedua-dua pihak ini dapat dipertingkatkan lagi.

4.2.7 PERKHIDMATAN

Jadual 17: Taburan frekuensi, peratus dan min skor bagi perkhidmatan

Bil	PERKHIDMATAN	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Agak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min Skor
44.	Penghargaan daripada PIBG untuk guru	9 9.5	28 29.5	24 25.3	33 34.7	1 1.1	2.9
45.	Elaun kursus yang setimpal	12 12.6	27 28.4	28 29.5	24 25.3	4 4.2	2.8
46.	Cuti tahunan yang mencukupi	3 3.2	9 9.5	24 25.3	51 53.7	8 8.4	3.5
47.	Pendapatan bulanan yang mencukupi	7 7.4	11 11.6	30 31.6	43 45.3	4 4.2	3.3
48.	Skala dan gred gaji yang setimpal	1 1.1	12 12.6	26 27.4	52 54.7	4 4.2	3.5
49.	Kemudahan perpindahan berpatutan	0	23 24.2	38 40.0	30 31.6	4 4.2	3.2
50.	Perlindungan insuran kerja disediakan oleh majikan secara kelompok	16 16.8	79 83.2	0	0	0	1.8
51.	Potongan KWSP yang tepat	3 3.2	7 7.4	36 37.9	41 43.2	8 8.4	3.5
52.	Butiran perkhidmatan untuk urusan pencen yang kemas kini	0	3 3.2	38 40.0	43 45.3	11 11.6	3.7

53.	Elaun khidmat awam yang memuaskan	7 7.4	23 24.2	28 29.5	33 34.7	4 4.2	3.0
54.	Pencen yang diterima menjamin masa tua	2 2.1	11 11.6	25 26.3	42 44.2	15 15.8	3.6
PURATA MIN SKOR		3.2					

Jadual 17 menunjukkan taburan frekuensi, peratus dan min skor bagi aspek perkhidmatan. Terdapat sebelas (11) aspek yang dikaji yang merangkumi penghargaan daripada PIBG, elaun kursus, cuti tahunan, pendapatan bulanan, skala dan gred gaji, kemudahan perpindahan, perlindungan insuran secara kelompok, potongan KWSP, butiran urusan pencen, elaun khidmat awam dan pencen di hari tua.

Dapatan menunjukkan min skor terendah ialah 1.8 iaitu perlindungan insuran kerja yang disediakan majikan secara kelompon. Responden menyatakan tidak setuju dengan pernyataan ini di mana 83.2% (79 orang) tidak setuju dan 16.8% (16 orang) sangat tidak setuju. Ini jelas menunjukkan pengetua/guru besar tidak menyediakan insuran secara kelompok kepada guru-guru.

Min skor tertinggi pula ialah 3.7 iaitu butiran perkhidmatan untuk urusan pencen yang kemas kini. Dapatan menunjukkan 3.2% (3 orang) tidak setuju dan selebihnya sebanyak 40% (38 orang) agak setuju, 45.3% (43 orang) setuju dan 11.6% (11 orang) sagat setuju. Ini memberi gambaran bahawa guru-guru

tiada mempunyai masalah jika ingin mendapatkan maklumat tentang pencen mereka. Selain itu, mereka juga agak setuju iaitu min skor 3.6 di item 54 dengan pernyataan bahawa pencen yang mereka terima akan menjamin di masa tua mereka. Ini dapat dibuktikan daripada respon yang diberikan iaitu hanya 2.1% sahaja yang sangat tidak setuju dan 11.6% (11 orang) tidak setuju. Manakala 26.3% (25 orang) agak setuju, 44.2% (42 orang) bersetuju dan 11.6% (11 orang) sangat setuju.

Min skor yang sama iaitu 3.5 dapat kita lihat bagi ketiga-tiga item yang dikaji iaitu bagi item 46, 48 dan 51. Responden menyatakan agak setuju bagi ketiga-tiga item ini. Ini dapat dilihat bagi item 46 di mana sebanyak 25.3% (24 orang) agak setuju, 53.7% (51 orang) setuju dan 8.4% (8 orang) sangat setuju dengan pernyataan bahawa cuti tahunan bagi guru-guru adalah mencukupi. Hanya 9.5% (9 orang) tidak setuju dan 3.2% (3 orang) sangat tidak setuju. Manakala item 48 iaitu mengenai pendapatan bulanan yang mencukupi juga menunjukkan situasi yang sama di mana 27.4%(26 orang) agak setuju, 54.7%(52 orang) bersetuju dan 4.2% (4 orang) sangat setuju. Hanya 11.6% (11 orang) tidak setuju dan 7.4% (7 orang) sangat tidak setuju. Begitu juga bagi item 51 menunjukkan responden agak setuju dengan pernyataan potongan KWSP yang tepat. Sebanyak 37.9% (36 orang) agak setuju, 43.2% (41 orang) setuju dan 8.4% (8 orang) sangat setuju dengan potongan KWSP yang tepat. Hanya 7.4% (7 orang) tidak setuju dan 3.2% (3 orang) yang sangat setuju.

Item 44 dan 45 menunjukkan dapatan lebih kurang sama iaitu min skor bagi item 44 ialah 2.9 manakala min skor bagi item 45 ialah 2.8. Ini menunjukkan majoriti guru-guru agak setuju sahaja untuk kedua-dua pernyataan ini. Ini dapat dilihat daripada respon yang didapati iaitu di mana 9.5%(9 orang) sangat tidak setuju, 29.5% (28 orang) tidak setuju, 25.35 (24 orang) agak setuju, 34.7% (33 orang) setuju dan 1.1% (seorang) sangat setuju dengan pernyataan bahawa mereka mendapat penghargaan daripada PIBG setiap tahun di atas usaha-usaha mereka mendidik pelajar sehingga berjaya mencapai kecemerlangan di dalam peperiksaan PMR, SPM dan STPM. Manakala dapatan bagi pernyataan mengenai elaun kursus yang didapati adalah setimpal juga menunjukkan 2.6% (12 orang) sangat tidak setuju, 28.4% (27 orang) tidak setuju, 29.5% (28 orang) agak setuju, 25.3% (24 orang) setuju dan selebihnya 4.2% (4 orang) sangat setuju. Ini menggambarkan PIBG sepatutnya memainkan peranan yang lebih bagi menghargai usaha guru-guru dalam mendidik mereka dan elaun kursus patut dipertimbangkan untuk dinaikkan lagi agar mereka mendapat bayaran yang setimpal.

Min skor bagi item 47, 49 dan 53 menunjukkan pemeringkatan min di antara 3.0 hingga 3.3. Ini juga menunjukkan majoriti guru-guru agak setuju dengan pernyataan yang disarankan. Ini dapat dilihat di mana item 53 iaitu aspek mengenai pendapatan bulanan yang mencukupi mempunyai min skor 3.0. Min skor bagi item 49 iaitu mengenai kemudahan perpindahan sekolah

adalah berpatutan ialah 3.2 manakala min skor item 47 bagi pernyataan bahawa pendapatan bulanan yang mencukupi ialah 3.3.

Pada keseluruhan bagi aspek perkhidmatan ini, min purata skor ialah 3.2 iaitu menunjukkan responden agak setuju dengan perkhidmatan yang diterima. Walau bagaimanapun perkhidmatan-perkhidmatan seperti perlindungan insuran, penghargaan dari PIBG dan juga elaun kursus untuk guru-guru patut dikaji dan dipertimbangkan.

4.2.8 KEPUASAN KERJA

Jadual 18: Taburan frekuensi, peratus dan min skor bagi Kepuasan Kerja

Bil	KEPUASAN KERJA	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Agak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min Skor
55.	Berpuas hati dengan kerjaya sebagai guru		5 5.3	11 11.6	49 51.6	30 31.6	4.1
56.	Tidak pernah terfikir untuk bertukar ke kerjaya lain	3 3.2	10 10.5	14 14.7	41 43.2	27 28.4	3.8
57.	Sentiasa bersemangat untuk mendidik pelajar		1 1.1	10 10.5	45 47.4	39 41.1	4.3
58.	Memilih kerjaya guru kerana meminati profesion perguruan	2 2.1	1 1.1	11 11.6	42 44.2	39 41.1	4.2

59.	Sentiasa bersemangat untuk meningkatkan kualiti kerja		1 1.1	5 5.3	53 55.8	36 37.9	4.3
60.	Jarang merungut tentang beban kerja yang diberikan		2 2.1	31 32.6	52 54.7	10 10.5	3.7
61.	Gaji yang diterima setimpal dengan bebanan tugas	3 3.2	18 18.9	26 27.4	38 40.0	10 10.5	3.4
62.	Hubungan dengan guru baik		1 1.1	4 4.2	53 55.8	37 38.9	4.3
63.	Tidak akan bertukar ke kerjaya lain	1 1.1	7 7.4	15 15.8	40 42.1	32 33.7	4.0
64.	Pentadbir melayan staf secara profesional	1 1.1	7 7.4	20 21.1	53 55.8	14 14.7	3.8
65.	Bebanan tugas yang diagihkan adalah tidak membebankan		9 9.5	29 30.5	50 52.6	7 7.4	3.6
66.	Suasana persekitaran sekolah adalah selesa		6 6.3	15 15.8	55 57.9	19 20.0	3.9
PURATA MIN SKOR		4.0					

Jadual 18 menunjukkan data yang diperolehi hasil daripada soal-selidik yang dijalankan ke atas 95 orang guru sekolah rendah dan guru sekolah menengah mengenai kepuasan kerja. Apa yang menarik di sini, min skor

menunjukkan semuanya 3.5 ke atas kecuali bagi item 61 iaitu mengenai kepuasan kerja terhadap gaji yang diterima.

Min skor tertinggi dalam aspek kepuasan kerja ialah min skor 4.3 untuk item 57, 59 dan 62. Majoriti responden semenangnya bersetuju dengan pernyataan-pernyataan di dalam soal selidik. Misalnya dalam item 57 mengenai sentiasa bersemangat untuk mendidik pelajar, dapatan menunjukkan 41.1% (39 orang) sangat setuju, diikuti dengan 47.4% (45 orang) setuju dan 10.5% (10 orang) agak setuju. Manakala hanya 1.1% (seorang) sahaja yang tidak setuju. Begitu juga dengan item 59 mengenai sentiasa bersemangat untuk meningkatkan kualiti kerja juga menunjukkan perkembangan yang positif iaitu 37.9%(36 orang) sangat setuju, 55.8%(53 orang) bersetuju dan 5.3% (5 orang) agak setuju. Hanya 1.1% (seorang) yang tidak setuju. Item 62 mengenai hubungan dengan guru baik juga menunjukkan majoriti responden setuju di mana 38.9% (37 orang) sangat setuju diikuti dengan 55.8% (53 orang) setuju dan 4.2% (4 orang) agak setuju. Hanya 1.1% (seorang) sahaja yang tidak bersetuju.

Min skor kedua tertinggi ialah 4.1 iaitu mengenai kepuasan kerja terhadap sama guru berpuas hati terhadap kerjaya mereka (item 55). Di dapati majoriti guru-guru berpuas hati dengan kerjaya mereka. Ini dapat dilihat dari dapatan kajian yang memperlihatkan 11.6% (11 orang) agak setuju, 51.6% (49 orang) setuju dan 31.6% (30 orang) sangat setuju. Hanya 5.3% (5 orang) yang

tidak setuju mereka berpuas hati dengan kerjaya sebagai guru. Tiada seorang pun yang sangat tidak setuju. Ini menunjukkan semua responden sememangnya suka menjadi guru.

Item 63 mengukuhkan lagi pernyataan bahawa sememangnya mereka berpuas hati dengan kerjaya mereka dengan mengatakan bahawa mereka bersetuju tidak akan bertukar ke kerjaya lain. Min skor 4.0 membuktikan kesungguhan mereka. Dapatan juga memperlihatkan 33.7% (32 orang) sangat setuju mereka tidak akan bertukar ke kerjaya lain, ini diikuti dengan 42.1% (40 orang) setuju dan 15.8% (15 orang) agak setuju. Hanya 4.2% (4 orang) tidak setuju dan 1.1% (seorang) sangat tidak setuju.

Item 66 mengenai suasana persekitaran sekolah adalah selesa juga menunjukkan majoriti guru-guru bersetuju dengan pernyataan ini. Ini dapat dilihat dari respon guru-guru di mana 20% (19 orang) sangat setuju, 57.9% (55 orang) bersetuju, 15.8% (15 orang) agak setuju dan hanya 6.3% (6 orang) yang tidak bersetuju. Ini menunjukkan guru-guru berpuas hati dengan suasana persekitaran sekolah. Ini dapat dibuktikan dengan min skor 3.9.

Berpuas hati dengan kerjaya sebagai guru dan merasakan suasana yang selesa mungkin merupakan faktor majoriti guru-guru bersetuju tidak pernah terfikir untuk bertukar ke kerjaya lain. Ini dapat dilihat dari skor 3.8 dan dapatan responden di mana hanya 10.5% (10 orang) yang tidak

setuju dan 3.2% (3 orang) yang sangat tidak setuju. Selebihnya iaitu 28.4%(27 orang) sangat setuju, 43.2% (41 orang) bersetuju dan 14.7% (14 orang) agak setuju. Salah satu faktor yang menyebabkan guru-guru tidak terfikir ke kerjaya lain mungkin juga kerana faktor layanan pentadbir. Ini dapat di lihat di item 64 di mana sebanyak 14.7% sangat setuju, 55.8% (53 orang) bersetuju dan 21.1%(20 orang) agak setuju. Hanya 7.4%(7 orang) yang tidak bersetuju dan 1.1% (seorang) yang sangat tidak setuju. Item 64 mempunyai min yang serupa dengan item 56 iaitu 3.8. Ini menunjukkan majoriti guru-guru bersetuju dengan kedua-dua pernyataan ini.

Mengenai bebanan kerja, min skor 3.7 di item 60 juga menggambarkan guru-guru setuju bahawa mereka jarang merungut tentang beban kerja yang diberikan oleh pentadbir di sekolah. Ini dapat dilihat dari dapatan kajian di mana majoriti responden mengatakan setuju dan peratus tertinggi terletak di ruang setuju iaitu 54.7% (52 orang). Guru-guru juga mengakui bebanan tugas yang diagihkan tidak dibebankan. Ini dapat dilihat dari min skor 3.6 iaitu majoriti guru-guru bersetuju dengan pernyataan ini. Jadual 18 juga menunjukkan sebanyak 30.5% (29 orang) agak setuju, 52.6% (50 orang) setuju dan 7.4% (7 orang) sangat setuju. Selebihnya hanya 30.5%(29 orang) yang tidak bersetuju dan 9.5% (9 orang) sangat tidak setuju. Ini menunjukkan pentadbir mengagihkan bebanan tugas dengan adil kepada setiap guru.

Walau bagaimanapun hanya item 61 yang menunjukkan rata-rata responden agak setuju sahaja dengan pernyataan gaji yang diterima setimpal dengan bebanan tugas. Kita dapat melihat dari jadual 18 bahawa 27.4% (26 orang) agak setuju, 40% (38 orang) setuju dan 27.4% (26 orang) agak setuju. Manakala 18.9% (18 orang) tidak bersetuju dan 3.2% (3orang) sangat tidak setuju dengna pernyataan ini. Ini memberi gambaran bahawa guru-guru ini memohon Kementerian Pendidikan Malaysia mempertimbangkan lagi kenaikan gaji jika dibandingkan dengan bebanan tugas yang dilakukan oleh mereka di sekolah.